

12 NOV 2000

Mahathir-Globalisasi

DR MAHATHIR MINTA NEGARA ISLAM FAHAMI KONSEP GLOBALISASI

DOHA, Qatar, 12 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan negara-negara Islam dan negara-negara membangun bahawa mereka akan menjadi sebahagian daripada empayar negara-negara Atlantik Utara jika globalisasi dalam bentuk sekarang diteruskan.

"Kita dapat lihat bagaimana mereka mahu membina semula Empayar Dunia mereka. Negara-negara membangun akan menerima padahnya jika mereka sewenang-wenangnya menerima pendapat Eropah," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam perjumpaan dengan para intelek dan cendekiawan Islam di Kelab Diplomatik di sini hari ini menjelang perasmian sidang kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) esok.

Dr Mahathir berkata globalisasi dalam bentuk sekarang adalah rekaan negara-negara Atlantik Utara bertujuan menjadikan mereka lebih kaya dan mengukuhkan penguasaan mereka dalam dunia ini.

Sambil berkata bahawa globalisasi dalam bentuk sekarang mengancam kedudukan umat dan agama Islam, beliau mengingatkan umat Islam bahawa mereka akan ketinggalan dalam sebuah negara sejagat jika mereka sekadar menjadi pemerhati.

Bagaimanapun, katanya, globalisasi boleh digunakan untuk manfaat masyarakat Islam jika ia benar-benar difahami.

Dr Mahathir berkata : "Jika kita benar-benar tahu tentang selok-beloknya, kita mampu sama-sama terlibat, mengikut syarat-syarat kita sendiri. Malahan, kita mungkin masuk sebagai virus dalam sistem mereka untuk melumpuh atau mengecewakan mereka.

"Mereka besar tetapi saiz saja tidak bermakna kegagalan tidak akan berlaku. Mereka boleh kehilangan berbilion-bilion dollar. Dan mereka boleh memusnahkan diri mereka."

Dr Mahathir juga berkata terdapat kemungkinan masyarakat Islam ketinggalan dalam Era Maklumat akibat daripada perbahalan mereka mengenai agama dan politik.

Ini tidak sepatutnya berlaku kerana negara-negara Islam mempunyai kemampuan untuk menikmati kemajuan dalam teknologi maklumat dan pelbagai kegunaannya.

"Kita sedang melihat bagaimana era maklumat kini melanda dunia. Dan nampaknya kita akan terlepas revolusi ini. Kita terlalu sibuk dengan perbalahan mengenai agama dan politik kita," katanya.

Masyarakat Islam telahpun terlepas revolusi perindustrian yang sedang berlaku dalam di negara-negara Eropah sehingga mereka (umat Islam) terpaksa bergantung kepada pihak lain walaupun untuk keperluan-keperluan biasa, katanya.

Dr Mahathir berkata negara-negara Islam perlu menjamin pembangunan ummah dengan melengkapkan diri mereka dengan teknologi maklumat agar mereka dapat menghadapi cabarang Era Maklumat dan globalisasi.

Sambik menyifatkan ini sebagai satu jihad, Perdana Menteri berkata beliau yakin negara-negara Islam mempunyai bakat dan kemampuan untuk menjamin kejayaannya.

Pada sesi soal jawab kemudian, Dr Mahathir berkata tidak ada sebab umat Islam tidak boleh mempunyai takrif berbeza mengenai globalisasi bagi manfaat mereka.

Bagi Malaysia, perkara paling penting ialah untuk menguatkan kedudukannya daripada segi kemahiran dan pengetahuan untuk menghadapi fenomena globalisasi.

"Perkara terbaik yang dapat dilakukan oleh umat Islam ialah mendapatkan kemahiran dan pengetahuan. Kita bukan bodoh. Jika kita gunakan semua aset yang kita ada, kita juga dapat mengukuhkan kedudukan kita. Jika kita kuat, orang akan menghormati kita," katanya.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata elok juga ditubuhkan sebuah pertubuhan menentang globalisasi kerana pada masa ini semakin banyak orang menentanginya.

Masalahnya ialah banyak negara tidak dapat menyokong secara terbuka kerana pelbagai sebab seperti telah meminjam wang daripada institusi kewangan antarabangsa, katanya.

Dr Mahathir juga berkata nilai agama memang penting seperti bagaimana Islam berjaya menjadikan orang Arab yang satu ketika mundur sehingga menjadi kuat dan mampu menyebarkan Islam dari Sepanyol hingga ke China.

Mengenai satu lagi soalan, beliau berkata Malaysia sedia berkongsi pengalamannya dalam apa juga bidang dengan negara-negara Arab, termasuk bagaimana ia berjaya menangani krisis kewangan tanpa perlu mendapatkan bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa seperti yang dilakukan oleh negara-negara yang turut menghadapi masalah serupa.

Pada majlis itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar melancarkan versi Arab buku "New Deal For Asia" tulisan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MAM MAI